



KISAH kesetiaan dua anjing temani pendaki gunung jadi viral di laman sosial.

Temani pendaki

Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@hmetro.com.my

■ Kisah kesetiaan dua anjing jaga lima anak muda jadi viral

Kuala Lumpur

“Anjing sememangnya mempunyai sifat melindungi yang sangat kuat dan tidak mustahil ia boleh bertindak menjaga seseorang itu meskipun baru saja berjumpa.

“Apa yang berlaku pada sekumpulan anak muda berkenaan ketika mendaki di Gunung Nuang boleh mengubah persepsi orang ramai terhadap haiwan itu,” kata Penaung Persatuan Pencinta Haiwan Selangor (SPCA) Tan

Sri Lee Lam Thye.

Beliau mengulas mengenai viral kisah kesetiaan dua ekor anjing yang menemani sekumpulan anak muda mendaki Gunung Nuang, Selangor.

Menurut Lee, dua anjing berkenaan mungkin sudah lama berada di kawasan laluan pendakian dan secara tidak langsung ia jinak dengan

pendaki yang lalu lalang.

Katanya, semua pihak perlu menyayangi binatang kerana ia juga adalah makhluk ciptaan Tuhan.

“Kita hidup di bumi yang sama dengan haiwan, jadi saya mahu tekankan kepada generasi muda kepentingan rasa kasih kepada alam termasuk haiwan.”

“Tindakan anak muda itu yang memberi makan ke-

FAKTA
Status berkenaan dibaca dan dikongsikan lebih 20,000 pengguna laman sosial

pada anjing berkenaan sebagai balasan dianggap wajar dan perlu dicontohi pendaki lain,” katanya.

Kisah kesetiaan dua anjing itu ‘menjaga’ lima anak muda berkenaan menyentuh hati ramai pengguna laman sosial dan kebanyakan mereka menganggap haiwan itu umpama ‘penjaga gunung’.

Ia bermula apabila seorang ahli kumpulan berkenaan, Firdaus Hashim, memuat status di Facebook mengenai pengalaman mereka mendaki dengan ditemani dua anjing itu.

Sejak status berkenaan diviralkan, ia dibaca dan dikongsikan lebih 20,000 pengguna laman sosial.